

CNS6912

U GB 12-08 00161 .BA220

aab

Mahathir - Institut

PETALING JAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan penubuhan Institut Diplomasi dan Perhubungan Luar Negeri yang bertujuan menghasilkan para perwakilannya negara yang berkualiti di luar negeri.

Institut tersebut akan melatih bakal diplomat dan yang sedang bertugas agar Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan di peringkat antarabangsa.

Ketika melancarkan institut itu, Perdana Menteri merasmikan Mesyuarat Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Institut Tabdiran Awam (INTAN) Jalan Ilmu di sini. Perdana Menteri berkata setiap diplomat perlu memiliki kecekapan dan pengetahuan yang mendalam mengenai diplomasi, dasar dan material negara bagi menjayakan hal ehwal luar negerinya dan memperkukuhkan maruah negara.

Katanya, pada masa dahulu tidak wujud latihan formal dan bidang diplomasi selain daripada pengalaman yang diperolehi semasa bertugas sebagai pegawai rendah di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri.

Tetapi, kata beliau, pengalaman semata-mata tidak mencukupi untuk membolehkan seseorang perwakilannya bertugas dengan berkesan. -- lagi

♥12/08/12-05MST

CNS6920

U GB 12-08 00136 BA221

aab

Mahathir - Institut 2 Petaling Jaya

+Adalah lebih baik jika kursus yang standard diadakan meliputi semua bidang diplomasi, daripada budaya diplomasi sehinggalah kepada pendekatan, protokol, bahasa dan cara mengendalikan perundingan, + katanya.

Beliau berkata Malaysia sebagai sebuah negara kecil yang masih membangun, perlu memahami menggunakan diplomasi dengan lebih berkesan daripada kuasa besar.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sikap dan sifat tertentu mesti dipupuk supaya personaliti yang sesuai dengan diplomasi dapat dibentuk di kalangan diplomat Malaysia.

+Bukan sahaja kerja yang harus dilaksanakan oleh diplomat ketika perlu diperkenalkan, tetapi cara membawa diri semasa di luar negeri dan di majlis-majlis juga harus dijadikan sebahagian daripada kursus di institut ini.

+Ini adalah kerana dalam diplomasi, personaliti diplomat memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sesuatu urusan, + katanya. -- lagi

♥12/08/12-16MST

CNS6947.

U GB 12-08 00137 B A 2 2 2

aab

Mahathir - Institut 3 Petaling Jaya

Beliau berkata para perwakilan mesti lah memaham secara mendalam dasar negara, kerana menurutnya, tanpa pengetahuan yang tersurat dan tersirat, mereka tidak mungkin dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

Katanya, pengetahuan yang mendalam tentang cara diplomasi dan penggunaannya untuk menjayakan dasar negara serta hal ehwal luar tidak boleh dipandang ringan.

+Walau bagaimanapun sekali pun pegawai yang mewakili di Malaysia di negara asing, pengetahuan mereka masih perlu dicanai dan di ksmaskini sepanjang masa, + tambahanya.

Perdana Menteri berkata pergantungan antara negara tidak dapat di elakkan di zaman moden ini dan tidak mungkin mana-mana negara boleh mengasingkan diri daripada negara lain.

+Zaman "isolationism" atau "pemulauan diri" sudah berakhir. Setiap negara mesti mengadakan perhubungan sekurang-kurangnya dengan jirannya, jika pun tidak dengan negara yang lebih jauh. -- lagi

♥12/08/12-38MST

CNS6943

U GB 12-08 00146 BA223

aab

Mahathir - Institut 4 Petaling Jaya

+Dan kuasa besar di dunia tidak akan membenarkan mana-mana negara mengasingkan diri. Sama ada mahu atau tidak mahu, setiap negara terpaksa menerima persahabatan atau permusuhan kuasa dunia, + katanya.

Kepada para perwakilan negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata mereka perlu meneliti daripada semasa ke semasa perubahan-perubahan dalam prioriti dasar-dasar negara.

Katanya, tanpa pembaharuan pengetahuan tentang dasar-dasar semasa, para perwakilan di luar negeri mungkin tidak dapat berkhidmat dengan berkesan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Kamal Jaafar, Ketua Pengarah Institut baru itu Datuk A.S. Talalla serta diplomat asing.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri mengadakan dialog secara tertutup dengan kesemua perwakilan negara yang menghadiri mesyuarat tersebut. -- Bernama

♥12/08/12-39MST